

Felda D'Saji labur RM7j

■ Bangun pusat acara di UPM secara bina-operasi-pindah


Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri
dayana@hmetro.com.my

Felda D'Saji Sdn Bhd me-labur sehingga RM7 juta bagi pembinaan pusat acara yang turut menempatkan restoran di Universiti Putra Ma-laysia (UPM) yang dijangka siap dalam tempoh 16 bulan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Zaki Abdullah berkata, pembinaan lokasi berkenaan di-jalankan secara bina-operasi-pindah (build-operate-transfer) dengan Felda D'Saji menguruskan pusat acara itu dalam satu tempo sebelum diserahkan kepada UPM.

“Melalui konsep seumpama ini, kami akan melabur bagi pembinaan pusat acara ini dan selepas ia siap, kami akan menjalankan operasi bersama pelajar UPM khususnya dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan.

“Selain itu, ia juga akan menjadi lokasi pembelajaran dan pendedahan untuk pelajar ber-kaitan pengurusan acara dan res-toran secara praktikal,” katanya.



DARI kiri, Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM Prof Dr Mohd Yazid Abd Manap, Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli, Pengurus Felda D'Saji Datuk Suhaimi Zainuddin, Pengarah Eksekutif Felda D'Saji Ahmad Zaki Abdullah dan Pengurus Besar Kanan Felda D'Saji Ahmad Nordin Othman semasa majlis menandatangani MOU antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Felda D'Saji.

Menurutnya, pusat acara itu di-jangka memuatkan satu restoran hidangan mewah berkonsep Bali.

“Bagaimanapun, ia hanya akan dilaksanakan selepas bangunan itu siap yang dijangka mengambil masa selama 16 bulan,” katanya selepas majlis menandatangani empat perjanjian persefahaman (MoU) antara Felda D'Saji dan UPM di Serdang, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli.

Empat MoU ditandatangani itu berkaitan pembinaan pusat aca-ra, Felda D'Saji dilantik sebagai panel eksklusif menguruskan Dean Putra UPM, pembangunan operasi restoran L'apprenti dan pembangunan sistem halal Felda D'Saji oleh Institut Halal UPM.

Dalam pada itu, Ahmad Zaki berkata, pihaknya dijangka akan membangunkan jenama resto-ran milik UPM, L'apprenti me-lalui konsep francais.

“Sebagai permulaan, kami menjalankan operasi L'apprenti di UPM dan bercadang membuka cawangan di semua institusi pe-ngajian tinggi awam (IPTA) dalam tempoh dua tahun,” katanya.